

Headline	Putrajaya bakal miliki hutan buluh		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	25 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	353 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,883
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,649



# Putrajaya bakal miliki hutan buluh

Oleh SHARAI MEI SHAIK  
AHMEDULLAH

pengarang@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 24 SEPT.

**P**ERBADANAN Putrajaya (PPj) akan membangunkan sebuah kawasan seluas 12 hektar di Taman Botani di sini sebagai hutan buluh dalam bandar pertama di Malaysia dan dunia.

Presidennya, Datuk Seri Hasim Ismail berkata, inisiatif mewujudkan hutan buluh dalam bandar itu merupakan salah satu daripada matlamat menjadikan Putrajaya sebagai bandar hijau.

Beliau berkata, projek tersebut meliputi pembangunan pusat informasi hutan buluh, galeri, pusat rekreasi dan jualan barangan cenderamata.

“Pembangunan projek Hutan Buluh Tropika Putrajaya ini adalah selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1987 (Pindaan 1992) iaitu selaras dengan keperluan pengurusan sumber hutan bukan kayu yang dilaksanakan secara berkekalan bagi menjamin kepentingan industri berasaskan sumber berkenaan.

“Kita menyasarkan untuk menanam kira-kira separuh daripada 1,000 spesies pokok buluh di seluruh dunia dan 70 spesies pokok buluh tempatan di kawasan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis prapelancongan Hutan Buluh Tropika Putrajaya di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod dan Presiden Persatuan Buluh Malaysia (MBS), Datuk Abdul Razak Minhat.

Sementara itu, Hasim berkata, projek tersebut yang dimulakan dengan program menanam 30 spesies pokok buluh jenis saman-

tan, madu, aur, hitam dan beting akan dilaksanakan secara berterusan pada setiap bulan.

Katanya, pihaknya menjangkakan projek untuk mewujudkan hutan buluh itu mengambil masa selama tiga tahun.

“Selain itu, kita bersama MBS juga akan bekerjasama mewujudkan galeri buluh di sini untuk mempamerkan semua bahan berkaitan buluh bagi tujuan penyelidikan, pameran dan promosi produk berasaskan buluh.

“Projek ini diharap menjadi pemangkin kepada negara untuk membangunkan industri berasaskan buluh sekali gus mempromosi hutan buluh ini sebagai destinasi ekopelancongan negara,” katanya.



HASIM ISMAIL (depan, lima dari kanan) bergambar di bawah rimbunan pokok buluh betung ketika prapelancongan Hutan Buluh Tropika Putrajaya semalam. -MINGGUAN/ZAKI AMIRUDDIN